

Seramai 221 “LEADERSHIP JUNIOR SKPII” Menerima Watikah Pelantikan



Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Badan-badan Pengawas Sekolah seramai 221 orang yang terdiri daripada Pengawas Sekolah, Pengawas Pusat Sumber Sekolah, Pengawas Kebersihan dan Keceriaan, Pengawas Pembimbing Rakan Sebaya, Pengawas Kantin dan Ketua dan Penolong Ketua Kelas Sekolah telah berlangsung di Pusat Sumber Gemilang SK. Pekan II, WP. Labuan.

Matlamat Majlis Penyampaian Watikah Pengawas ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pemimpin-pemimpin cilik yang sama-sama bertanggungjawab menjaga disiplin dan sahsiah dalam kalangan murid-murid sekolah ini.

Antara lain objektifnya adalah untuk melahirkan pemimpin pelapis cilik yang bertanggungjawab terhadap tugas-tugas murni yang diamanahkan, selain meningkatkan tahap motivasi murid-murid yang dipilih untuk menjalankan tugas dengan baik.



Ketua Pengawas Sekolah menerima Watikah pelantikan daripada Guru Besar disaksikan oleh Penolong-Penolong kanan

Majlis disempurnakan oleh Guru Besar, Puan Hajah Dayang Hj Md Yassin disertai oleh barisan Penolong Kanan Kurikulum, Penolong Kanan HEM dan Penolong Kanan KoKurikulum.

Lembaga Pengawas Sekolah yang terdiri daripada murid-murid sekolah ini dan mereka akan membantu menjalankan pelbagai aktiviti untuk mencapai matlamat dan objektif sekolah. Dengan cara memberi pengiktirafan sebegini dapat menjentik dan memberi inspirasi serta semangat kepada pemimpin cilik tersebut dengan sepenuh tanggungjawab dan dedikasi supaya mereka dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sebaiknya.

Mereka yang dilantik akan membantu guru-guru melicinkan lagi operasi pemantauan disiplin sekolah, kebersihan kantin dan keceriaan sekolah serta pusat sumber sekolah dan menjadi pembimbing rakan sebaya sekolah.

Selain itu, mereka juga akan melaksanakan tugas-tugas

yang berkaitan dengan kepelbagaian bidang tugas pengawas yang telah diamanahkan kepada mereka dan menjalankan aktiviti dalam memberi khidmat bantuan kepada rakan mereka dalam setiap program yang dijalankan.



Pengawas Sekolah bersama Pentadbir dan Guru Pembimbing Terdahulu dalam ucapannya, Guru Besar mengucapkan terima kasih kepada guru-guru pembimbing kerana berjaya membentuk kredibiliti pemimpin cilik ini.

Syabas dan tahniah kepada semua Pengawas yang menerima watak pelantikan serta menyeru supaya pengawas menjadi contoh disiplin yang terbaik kepada murid-murid yang lain. selain itu beliau juga berkata pengawas adalah tulang belakang dan pembantu utama guru dalam memastikan pematuhan disiplin semua murid berada pada tahap yang terkawal.

Pihak sekolah berharap jawatan yang diamanahkan kepada mereka akan dapat digalas sebaik-baiknya demi melatih murid-murid menjadi pemimpin teladan yang bersemangat dan berdedikasi, bertanggungjawab serta amanah dalam melaksanakan tugas.

“ Murid-murid yang memainkan peranan sebagai “Leadership Junior” di peringkat sekolah ini adalah

merupakan suatu permulaan yang baik kepada mereka untuk menjadi pemimpin yang berwibawa kepada masyarakat pada masa akan datang". Puan Hajah Dayang Hj Md Yassin

Dalam pada itu juga Guru Besar telah mengumumkan akan memberi kemudahan "Bilik Operasi Pengawas Cilik" (BOPc) iaitu sebuah bilik untuk pengawas menjalankan operasi mereka dalam masa terdekat ini.

Beliau juga menyeru supaya pengawas mempunyai tahap prestasi yang cemerlang dalam pelajaran mereka. Untuk itu mereka perlu pandai mengagihkan masa demi memastikan semua pengawas terus cemerlang dalam pelajaran walaupun pada masa yang sama menjalankan tugas sebagai pengawas.

Berita Oleh : SK Pekan II



Barisan Ketua Kelas dan Penolong Ketua Kelas bersama Pentadbir.

Guru Penolong Kanan Hem Bersara Dirai Seperti Raja Sehari



Labuan, 31 Januari 2020 :Persaraan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru, Encik Sabar bin Dalimin diraikan dengan meriah dalam satu 'majlis perkahwinan' bagi mengenang khidmat cemerlangnya di sekolah itu. Sabar, 60 secara sah menamatkan perkhidmatan pada 31 Januari lalu selepas berkhidmat sebagai guru selama 21 tahun. Pada hari tersebut, beliau mengenakan busana songket berona jingga dan bersulam keemasan.



Rombongan seterusnya bergerak ke Sekolah Kebangsaan Pekan Dua dimana Encik Sabar telah berkhidmat di sekolah tersebut pada tahun 2011 hingga 2018. Encik Sabar telah dipersembahkan dengan satu persembahan daripada murid-murid SKPD dengan lagu 'Cinta Terbaik dan Memori Tercipta' yang begitu menyayat hati dan menggamit memori untuk Encik Sabar sepanjang mendidik di sekolah ini.



Seterusnya perjalanan rombongan diteruskan ke Sekolah Kebangsaan Membedai. Beliau mula berkhidmat di sekolah tersebut pada tahun 2010. Beliau disambut mesra oleh barisan pentadbir, guru-guru dan murid sekolah disana. Acara menandatangani turut menjadi penyeri sambutan di sana.



Sekolah yang keempat dimana Encik Sabar bertugas pada tahun 2011 di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan. Beliau disambut oleh barisan pentadbir, guru-guru dan semua murid sekolah. Upacara memotong kek menjadi penyeri sepanjang berada di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan. Encik Sabar sempat bersalam-salaman dengan bekas murid-murid beliau sepanjang di Sekolah Kebangsaan Layang-Layangan.



Pergerakan rombongan diteruskan ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru dimana sekolah terakhir beliau berkhidmat sebagai seorang Penolong Kanan Hal Ehwal dan seorang pendidik. Beliau sempat berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru pada tahun 2019 hingga kini. Beliau telah disambut dengan meriah. Beliau dikejutkan dengan paluan kompang dan kehadiran isteri tercinta, Puan Esah binti Hussin yang turut mengenakan busana pengantin simbolik pasangan seumur hidup beliau.

Semua

guru mengiringi beliau dan pasangan ke Dewan Sekolah Tanjung Aru. diserikan, persembahkan tayangan multimedia dan penyampaian hadiah daripada kelas-kelas. Beliau dipersembahkan dengan tayangan montaj sepanjang perkhidmatan beliau sebagai seorang pendidik sehingga kini. Beliau turut memberikan ucapan terharu dan terima kasih kepada warga sekolah.

“ Saya mengucapkan terima kasih kepada barisan guru dan pentadbir yang sanggup bersusah payah mengatur majlis

pada hari ini. Kejutan yang paling tidak disangka-sangka kehadiran isteri beliau pada hari ini”. Kata beliau dengan begitu gembira. Selain itu, beliau sempat menitipkan pesanan buat rakan guru yang lain. “ Saya berasa amat sedih kerana terpaksa meninggalkan kerjaya perguruan yang sudah sehati dengan jiwa. Bagaimanapun, saya gembira kerana dapat mendidik anak bangsa menerusi kerjaya sebagai guru. Semoga rakan-rakan yang lain sentiasa bersemangat dalam meneruskan kerjaya sebagai seorang guru dan teruskan komitmen yang jitu.”. katanya



**Kehadiran Ibu Bapa Murid SK
Sungai Bedaun Dapat**

Sambutan Memberangsangkan



Labuan, 28 Januari 2020 – Kehadiran ibu bapa murid SK Sungai Bedaun ke Majlis Penutupan Program Transisi dan Guru Penyayang Tahun 1 bagi tahun 2020 pada 17 Januari lalu, mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan catatan kehadiran seramai 71 orang.

Ini menampakkan satu respon positif daripada ibu bapa dalam memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti sekolah yang mana berkait rapat dengan kemenjadian murid itu sendiri.

Guru besar SK Sungai Bedaun, Puan Dg Sarifah A.Mahmod merakamkan ribuan terima kasih atas kesudian para ibu bapa yang hadir meskipun dengan kekangan kerja di luar yang begitu sibuk.



Murid-murid telah menunjukkan bakat masing-masing dengan mempersembahkan beberapa persembahan yang mencuit hati para penonton.

Program Transisi Tahun 1 merupakan satu program yang bertujuan untuk membantu murid-murid menyesuaikan diri dengan keadaan, persekitaran dan pembelajaran yang berbeza daripada alam pendidikan di prasekolah atau tadika.

“ Melalui Program Transisi ini, para guru dapat menyelaras keperluan kognitif, emosi dan jasmani murid-murid secara menyeluruh sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran secara formal di Tahun 1. Adalah diharapkan kanak-kanak yang datang dari pelbagai latar belakang sosio ekonomi, persekitaran dan pengetahuan akan dapat menyesuaikan diri dan bersedia meneruskan pembelajaran secara formal.” Ujar Puan Dg Sarifah.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pegawai Angkat sekolah, Encik Mohamad bin Pindut. Hadir bersama dalam majlis ini ialah Puan Wiwik Iswandari Sudirman, YDP PIBG SK Sungai Bedaun.

Encik Mohamad selaku pegawai angkat sekolah turut berasa gembira atas kerjasama padu yang diberikan oleh ibu bapa SK Sungai Bedaun. Beliau mengharapkan agar para ibu bapa dapat terus menyokong segala usaha sekolah dalam membangun sahsiah serta akademik anak-anak murid.



Murid-murid gembira bergambar bersama Encik Mohamad (empat dari kiri) Puan Dg. Sarifah (tiga dari kiri) , Puan Wiwik (dua dari kiri) , Puan Zubaidah (kiri sekali) dan Puan Mylsa -Guru Kelas (kanan sekali) sambil memegang hadiah masing-masing.

Majlis turut diceriakan dengan pelbagai persembahan menarik daripada kesemua 112 orang murid Tahun 1 yang begitu cilik sekali. Dalam tempoh 3 minggu transisi ini, murid-murid telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran bukan sahaja asas menulis, membaca dan mengira, malahan juga unsur kebudayaan dan kesenian.

Majlis diakhiri dengan sambutan hari lahir murid-murid yang lahir pada Bulan Januari dan sesi pemotongan kek. Sambutan ini adalah di bawah program Bimbingan dan Kaunseling, yang dikendalikan oleh Puan Norsidah Binti Mat Yassin, selaku guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah.

Berita Oleh : SK Sungai Bedaun



Encik Mohamad menyampaikan hadiah kepada Adik Muhammad Fahmi Zharfan murid terbaik sepanjang Program Transisi dilaksanakan sambil diperhatikan oleh Puan Dg. Sarifah (dua dari kiri) dan Puan. Wiwik Iswandari(kiri sekali)



Murid-murid yang lahir pada bulan Januari juga diraikan menyambut hari jadi mereka



En. Mohamad Pindut (empat dari kiri) bergambar kenangan sebaik selesai merasmikan majlis Penutupan Minggu Transisi Tahun 1 SKSB . Turut kelihatan Puan Dg. Sarifah (tiga dari kiri) Puan Wiwik (dua dari kiri) Penolong-penolong kanan dan AJK Pelaksana Program

SMK Mutiara Rangkul Dua Anugerah Dalam Simposium dan Ekspo Kaunseling Peringkat Kebangsaan



Labuan, 29 Januari 2020 – SMK Mutiara telah dianugerahkan dua pengiktirafan dalam Simposium dan Ekspo Kaunseling Serta Pembangunan Sahsiah Murid Peringkat Kebangsaan Kali ke-6 yang telah berlangsung pada 11 sehingga 13 November 2019 di *Infrastructure University* Kuala Lumpur.

Anugerah berjaya diperolehi oleh Unit Hal Ehwal Murid SMK Mutiara atas penarafan cemerlang kebangsaan dalam kategori **Pengurusan Sahsiah Terpuji Gemilang (Sekolah Menengah)**. Satu lagi anugerah yang diterima ialah dalam kategori **Perkhidmatan Kaunseling Cemerlang (Sekolah Menengah)**.

Kedua-dua anugerah disampaikan oleh Pengarah Pendidikan W.P.Labuan, Encik Raisin Saidin pada 16 Januari 2020 sempena majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), Sungai Lada.

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai acara tahunan untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang dalam pengurusan kaunseling sekolah-sekolah di Malaysia.

Penolong Kanan HEM SMK Mutiara, Encik Hisham Abdul Aziz ketika ditemui berkata pengiktirafan yang diterima adalah

sangat bermakna kerana secara langsung pihak kementerian telah mengiktiraf usaha-usaha dan amalan-amalan terbaik sekolah ini dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan murid-murid yang berisiko.

Beliau turut menyingkap sejarah pada tahun 2016 di mana SMK Mutiara telah dikategorikan sebagai sekolah *Hotspot* Salah laku Disiplin di Wilayah Persekutuan Labuan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bermula daripada itu, pihak sekolah telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan murid-murid. Antara program yang terhasil ialah **Suluhkan Sinar** iaitu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di mana agensi-agensi kerajaan dan swasta turut dilibatkan dalam program sekolah khusus untuk memberi khidmat bantu dan bimbingan mengikut kepakaran masing-masing.

*“Kes salah laku disiplin murid ditangani secara berfokus dan berperingkat. Murid-murid yang tidak dapat ditangani melalui sesi kaunseling individu dan berkelompok akan diserapkan di dalam **Kem Suluhkan Sinar**. Jika murid-murid masih tidak menunjukkan perubahan disiplin diri yang positif, mereka akan diserap masuk ke dalam program **Cabaran Suluhkan Sinar** (The Good Behavior Game)” jelasnya lagi.*



Encik Raisin Saidin menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Encik Mohd Nizam sambil diperhatikan oleh Ustaz Syahir dan Encik Azryn

Program ini telah dibiayai secara konsisten oleh agensi kerajaan dan swasta sejak tahun 2016 sehingga kini. Penganjuran sulungnya pada tahun 2016 telah dibiayai sepenuhnya oleh Isar Group.

Seterusnya program ini turut mendapat sokongan daripada Pejabat Ahli Parlimen Labuan dan agensi-agensi kerajaan di Labuan seperti Perbadanan Labuan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), PEMADAM, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Koreksional, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Turut memberi sokongan dan bantuan ialah tentera udara dan darat yang berpangkalan di Labuan, *Education Performance and Delivery Unit* (PADU), Koperasi SMK Mutiara Berhad dan PIBG SMK Mutiara.

Pelibatan pelajar-pelajar UMS KAL, *Labuan Combat Gym* dan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) adalah sebagai nilai tambah bagi memantapkan program ini.

“Klinik Psikiatri Jabatan Kesihatan turut menggunakan data murid-murid berisiko di bawah kawalan Unit Bimbingan dan Kaunseling, SMK Mutiara sebagai data sokongan dalam mengenal pasti murid-murid yang perlu dibantu. Mereka yang diserap masuk ke dalam program Cabaran Suluhkan Sinar telah dibimbing oleh tiga orang doktor psikiatri dan Majlis Perwakilan Pelajar UMS KAL. Pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan pula bertindak sebagai pemudah cara” ujar Encik Hisham lagi.

Keupayaan SMK Mutiara menggembelng tenaga dan sumber-sumber tempatan dalam menangani kes-kes salah laku disiplin di sekolah telah menjadi inspirasi kepada Perbadanan Labuan untuk mengangkat program ini ke peringkat negeri.

Program ini telah dijenamakan semula sebagai TANGKIS (**T**ak **A**ku **N**ak **G**agal **K**ali **I**ni dan **S**elamanya) sesuai dengan usaha gigih pihak sekolah dan komuniti yang tidak jemu dalam menangani kes-kes salah laku disiplin dalam kalangan murid-murid di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Setiap murid berhak mendapat peluang kedua dan semoga ada sinar yang terang menunggu di hujung terowong yang gelap” kata Encik Hisham menutup perbualan mengulas kejayaan SMK Mutiara merangkul dua anugerah peringkat kebangsaan Tahun 2019.

Berita Oleh : SMK Mutiara

370 Murid Jayakan Kejohanan Merentas Desa SK Sungai Bedaun 2020



Labuan, 28 Januari 2020 – SK Sungai Bedaun telah menjayakan kejohanan merentas desa peringkat sekolah pada 22 Januari lalu yang disertai oleh seramai 370 orang peserta terdiri daripada murid tahun 3,4,5 dan 6. Ibu bapa dan komuniti turut serta memeriahkan kejohanan tersebut.

Laluan larian merentas desa ini melibatkan persekitaran Kampung Sungai Bedaun dan Taman Mutiara sejauh 4 KM. Sebelum acara larian, sesi memanaskan badan dijalankan di Dewan Permata SK Sungai Bedaun.

Guru Besar, Puan Dg Sarifah bt A.Mahmod dan YDP PIBG melepaskan murid untuk berlari pada jam 8 pagi. Pelepasan peserta didahului oleh murid perempuan kemudian diikuti oleh murid lelaki.

Semua guru terlibat dalam menjayakan program ini, beserta

ibu bapa yang berkelapangan. Pegawai polis trafik juga terlibat untuk mengawal lalu lintas sepanjang program ini.



Pentadbir SK Sungai Bedaun bersama murid-murid perempuan yang mendapat tempat pertama hingga kesepuluh dalam Pertandingan Merentas Desa peringkat SK Sungai Bedaun 2020

Sebelum larian

merentas desa dimulakan Penolong Kanan Kokurikulum En. Mohamad Aizam Abdul

Rahim telah menyampaikan taklimat keselamatan kepada semua peserta.

Melalui

program ini, semangat perpaduan dapat disemai dalam kalangan murid, serta

pembudayaan gaya hidup sihat merupakan objektif program ini.

Pingat Emas bagi Acara Merentas Desa peringkat SK Sungai Bedaun pada Tahun 2020 diungguli oleh adik Pengiran Muhammad Shahrizal bin Pg Masri dari rumah Kasawari (Biru) dan Nur Washfasha binti Gapor dari rumah Garuda

(Hijau) bagi Kategori Perempuan.

Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang berjaya menamatkan larian.

Berita Oleh : SK Sungai Bedaun



Pengiran Muhammad Shahrizal bin Pg Masri dari rumah

Kasawari (Biru) dan Nur Washfasha binti Gapor dari rumah Garuda (Hijau)Johan Merentas Desa 2020 Lelaki dan Perempuan



Penglibatan ibu bapa dalam Acara Merentas Desa , Turut serta Pn Wiwik iaitu YDP PIBG SKSB(empat dari kiri) bersama guru-guru yang bertugas di setiap stesen check point



Pegawai Polis Trafik yang terlibat dalam memastikan kelancaran Program Merentas Desa



Para guru yang bertugas di Stesen Air menyediakan minuman untuk para peserta merentas desa

Program Jom Hadir Ke Sekolah Berjaya Tingkat Bilangan Murid Hadir Penuh Di SK Sungai Bedaun



Program Jom Ke Sekolah merupakan salah satu program yang dilaksanakan di S.K. Sungai Bedaun yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan murid yang hadir penuh ke sekolah setiap tahun.

Pada tahun ini, pelancaran Program Jom Ke Sekolah disempurnakan oleh Guru Besar S.K Sungai Bedaun, Puan Dg.Sarifah Bt. A.Mahmod.

Majlis dimulakan dengan perutusan Guru Besar dan selepas itu acara memotong reben bunting Jom Ke Sekolah sebagai penanda perasmi.

Program cetusan idea daripada Guru Besar, Puan Dg. Sarifah Bt.A.Mahmud ini bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang pentingnya hadir ke sekolah setiap hari persekolahan dan berada di dalam kelas pada setiap masa pengajaran dan pembelajaran.

Dalam ucapannya, Puan Dg. Sarifah meminta agar semua murid hadir awal ke sekolah agar dapat mengikuti Program Hening Pagi yang dilaksanakan oleh guru bertugas mingguan pada setiap hari persekolahan ketika perhimpunan pagi di dewan.



Guru Besar , Puan Dg. Sarifah (3 dari kiri) melancarkan Program Jom ke Sekolah sambil diperhatikan oleh PK Pentadbiran , Puan Noraliza (dua dari kiri), PK Hal Ehwal Murid, Puan Zubaidah (empat dari kanan) , PK Kokurikulum, Encik Mohd. Aizam (paling kiri) dan Guru Bimbingan dan Kaunseling, Puan Norsidah (paling kanan) selaku penyelaras program.

Antara intervensi yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah murid yang hadir penuh layak mengikuti cabutan bertuah di hujung sesi persekolahan.

Pada tahun lepas, seramai 52 orang murid telah berjaya hadir penuh sepanjang sesi persekolahan 2019.

Pelbagai hadiah cabutan disediakan oleh pihak sekolah . Antaranya ialah basikal, beg sekolah, peralatan sekolah , hamper dan sebagainya. Seramai tiga orang murid berjaya mendapat cabutan utama iaitu tiga buah basikal yang disumbangkan oleh penyumbang perseorangan.

Guru besar berharap pada tahun ini jumlah murid yang hadir penuh akan semakin meningkat dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pencapaian akademik murid S.K.Sungai Bedaun.

Program ini dikelola oleh Unit Hal Ehwal Murid

S.K.Sungai Bedaun dan Unit Bimbingan & Kaunseling menjadi penyelaras program.

Berita Oleh : SK Sungai Bedaun



Puan Dg. Sarifah merasmikan Pelancaran Jom Ke Sekolah Peringkat S.K.Sungai Bedaun bagi tahun 2020

Kejohanan Sukan Tahunan

Sekolah Kebangsaan Pekan Satu



Labuan, 22 Januari 2020 – Kejohanan Sukan Tahunan Sekolah Kebangsaan Pekan Satu telah berlangsung selama 4 hari bermula 17, 20, 21 dan 22 Januari, 3 hari dilangsungkan di SK Pekan Satu iaitu acara lompat jauh, lompat tinggi dan lontar peluru. Manakala kemuncak kejohanan pada 22 Januari diadakan di Kompleks Sukan W.P.L bagi acara balapan dan kawad kaki.

Seramai 426 murid menyertainya yang terdiri daripada murid perdana dan PPKI. Kejohanan ini bertujuan memupuk semangat berjuang dalam sukan yang kental, menyemai sifat-sifat terpuji dalam diri murid, membina daya kepimpinan dalam berpasukan serta memperkasa sahsiah modal insan yang cemerlang melalui kejohanan yang disertai disamping mampu mencungkil bakat-bakat baru dalam kalangan murid.

Kejohanan Sukan Tahunan kali ke-66 ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid JPWPL Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad selaku wakil Pengarah JPWL Tuan Raisin bin Saidin.

Kejohanan ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Penolong Pengarah Unit Pendidikan Swasta Sektor Pengurusan Sekolah JPWPL merangkap NYDP PIBG SKPS Puan Zaliha binti Mohd Salleh, Guru Besar SK Pekan Satu Puan Anita Shyamini A/P S. Azman dan AJK Biro Kewangan Pibg Encik Yassin bin Tawih.



Dari kiri Encik yassin, Puan Anita, Tuan Haji Abdul Rahman dan Puan Zaliha.

Hadir sama PK Hem

SKPS Puan Normah Binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmi bin Amat, PK

PPKI SKPS Encik Mohd Faisal bin Haji Moin, AJK PIBG SKPS, 85 orang guru dan 159

orang ibu bapa turut hadir memeriahkan majlis ini.

Dalam kejohanan ini Rumah Merah merupakan johan keseluruhan dengan mengutip 18 emas, 17 perak dan 14 gangsa. Tempat kedua disandang oleh Rumah Hijau sementara tempat ketiga disandang oleh Rumah Kuning dan tempat keempat disandang oleh Rumah Biru. Juara kawad kaki dan Maskot terpersona dimenangi oleh Rumah Biru.

Anugerah Olahragawan harapan pula dimenangi oleh Mohd Nur

Hafiz Idwan bagi kategori 12 tahun, Nur Mohd Eddy Zulkarnain bagi kategori 11 tahun, Hafiz Zul Hakim bagi kategori 10 tahun dan Al Mansur Bin Gani bagi kategori PPKI.



Puan Anita menyampaikan piala juara keseluruhan kejohanan Sukan SKPS kepada wakil rumah merah.

Menurut Tuan Haji Abdul Rahman, kalah menang merupakan adat pertandingan. Dalam apa-apa kejohanan sekalipun, semangat kesukanan yang tinggi adalah diperlukan. Kekalahan bukan bererti gagal sebaliknya langkah untuk berjaya.

Menurut beliau lagi, sukan tahunan yang diadakan di peringkat sekolah merupakan gelanggang untuk mengasah bakat para pelajar dalam melahirkan atlet yang mampu mengharumkan nama negara pada masa hadapan. Beliau juga berharap agar pelajar dapat menjayakan acara sukan dengan cemerlang dan bekerja dalam pasukan apabila terlibat dalam acara berkumpulan.

Selesai perasmian oleh Tuan Haji Abdul Rahman, acara perbarisan yang disertai oleh semua kontinjen pasukan

daripada semua rumah sukan membuka tirai persembahan. Setiap kontinjen dinilai dan kontinjen yang terpilih menerima hadiah semasa sesi penutupan sukan diadakan. Hanya beberapa acara balapan dipertandingkan iaitu larian 400 meter, 200 meter, 100 meter, 80 meter, 4x200 meter dan 4x100 meter.



Semua kontinjen pasukan daripada semua rumah sukan bersedia membuka tirai persembahan.

Guru Besar SK Pekan Satu, Puan Anita Shyamini memberitahu melalui kegiatan sukan, murid-murid bukan sahaja dapat mncapai kecemerlangan dalam bidang ini malah juga dalam pengalaman lain seperti sosial, kepimpinan serta dapat mendisiplinkan diri. "Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, sukan dilihat dapat menggalakkan pertumbuhan kanak-kanak yang cemerlang dari aspek intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial" tambahnya lagi.

Penyelaras program, Encik Mohammad Husliathir bin Hussin melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua

kerana majlis ini dapat dilangsungkan dengan jayanya. Tambahnya lagi, mengucapkan ribuan terima kasih kepada McDonald's kerana sudi menjalankan Program Komuniti McDonald's and RMHC kepada atlet SKPS. Beliau juga berharap agar majlis ini selari dengan matlamat memberi dorongan dan memotivasikan murid-murid agar terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam semua bidang.

Berita Oleh : SK Pekan Satu



Guru-guru serta ibubapa membantu memulakan larian bagi acara 80 meter kategori PPKI.



Rumah Biru menjuarai kawad kaki serta maskot terpersona pada Kejohanan Sukan Tahunan SKPS kali ini.



Guru-guru bersedia untuk menjalankan tugas sebagai hakim balapan.

Program Transisi SK Pekan II: Penerapan Budaya “Love, Happiness and Mutual Respect”



Labuan – Program Transisi dan Guru Penyayang 2020 SK. Pekan II telah berjaya menyuntik dan menerapkan budaya kasih sayang, kegembiraan dan hormat-menghormati di kalangan murid-murid.

Program tersebut berfokuskan kepada aktiviti-aktiviti pengenalan kepada dunia baru alam persekolahan Perdana untuk murid-murid Tahun Satu serta pelaksanaan Dasar Guru Penyayang Kementerian Pendidikan Malaysia yang melibatkan semua guru dan murid.

Program Transisi dan Guru Penyayang merupakan satu program yang diwujudkan oleh KPM untuk melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan yang menjadi teras dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Program Transisi Prasekolah ke Tahun Satu merupakan satu program yang telah dirangka dengan tujuan untuk membantu kanak-kanak menghadapi perubahan diri dalam keadaan transisi dari pendidikan tidak formal sama ada di rumah atau pun di prasekolah ke pendidikan secara formal di Tahun Satu.

Program transisi yang mengambil masa selama 3 minggu iaitu minggu pertama ialah Perlaksanaan Minggu Orientasi diikuti dengan Minggu Pembentukan Kumpulan iaitu (Dinamika Kumpulan) dan Perlaksanaan aktiviti ke arah proses Pengajaran dan Pembelajaran.

Program ini melibatkan 4 kelas iaitu Kelas 1 Genius, 1 Intelek, 1 Cendekiawan dan 1 Bijaksana iaitu seramai 137 orang murid. Program ini adalah bersifat membimbing ke arah alam persekolahan formal dan menekankan amalan budaya penyayang seperti yang disarankan.



Lagu I m Happy oleh murid-murid tahun 1 menarik perhatian hadirin yang hadir

Dalam ucapan alu-aluan Guru Besar, Puan Hajah Dayang Damit @ Saidah bt Md Yassin menyeru semua ibu bapa untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti sekolah serta menasihatkan para murid untuk membantu menjadikan suasana persekolahan lebih selesa dan ceria disamping pemupukan nilai-nilai murni kepada murid-murid baharu.

“Adalah diharapkan dengan adanya program ini, kanak-kanak yang datang dari pelbagai latar belakang sosio ekonomi, persekitaran dan pengetahuan akan dapat

menyesuaikan diri dan bersedia meneruskan pembelajaran secara formal dan tidak menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan pembelajaran dan pergaulan terutamanya bagi murid yang tidak pernah ke kelas Tadika dan Prasekolah.”

“Ibu bapa juga disarankan supaya bersikap ambil peduli terhadap pemakanan anak-anak dan pembelajaran mereka, memupuk sahsiah terpuji dan menerapkan nilai-nilai bersih, awal datang ke sekolah dan amalan hormat-menghormati serta kasih sayang sesama mereka sewaktu berada di sekolah.” Puan Hajah Dayang Damit @ Saidah

Majlis penutupan Minggu transisi 2020 ini bermula pada jam 8.00 pagi bertempat di Dewan Terbuka Gemilang yang telah dirasmikan oleh Inspt. Khadijah Binti Mohd. Ali, Pegawai Perhubungan Polis sekolah.

Beliau menyeru kepada ibu bapa agar dapat bekerjasama dan memupuk hubungan yang baik terhadap sekolah disamping memantau pembelajaran dan sahsiah anak-anak mereka serta sentiasa bersikap terbuka dan sentiasa mengekalkan hubungan baik dengan guru-guru di sekolah ini.

Pada majlis tersebut diadakan beberapa siri ceramah untuk ibu bapa berkaitan bidang pentaksiran bilik darjah yang disampaikan oleh Tengku Hajah Yasmin Binti Tengku Ibrahim manakala ustazah Faridah Binti Hj. Abd. Rahman telah menyampaikan amanat mengenai bidang Hal Ehwal Murid, taklimat 1M1S dan bantuan Baitulmal. Turut sama menyampaikan ceramah I'm Free ialah dari Unit Promosi Jabatan Kesihatan Labuan.

Dalam masa yang sama Ibu bapa yang hadir pada majlis tersebut begitu teruja menyaksikan persembahan daripada murid-murid Tahun Satu sebagai memeriahkan lagi majlis.

Jelas wajah kegembiraan dan keseronokkan murid-murid ini dalam mendendangkan lagu *I am Happy*, mengira Nombor, nasyid dan pergerakan tarian *Chicken dance*.

Berita Oleh : SK Pekan II



Guru Besar, Puan Hjh Dayang Damit @ Saidah Md Yassin



Inspt. Khadijah Mohd Ali

Rumah Mustari Juara Keseluruhan Kejohanan Merentas Desa SMK Taman Perumahan Bedaun Tahun 2020



Labuan, 22 Januari – Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun (SMKTPB) telah menganjurkan Kejohanan Merentas Desa Peringkat Sekolah Kali ke-16. Acara ini telah dimulakan seawal jam 7 pagi.

Satu taklimat keselamatan telah diberikan oleh Encik Ahmad Yusri bin Che Daud (Setiausaha sukan) kepada peserta sebelum acara dimulakan. Acara ini telah disertai oleh 4 buah rumah sukan iaitu Musytari, Marikh, Zuhal dan juga Neptune.

Tepat jam 7.30 pagi, naib YDP PIBG SMK Taman Perumahan Beduan Puan Sapiah Omar bersama pegawai angkat sekolah Encik Awang Adi bin Tuah telah melepaskan peserta acara merentas desa bagi kategori Lelaki bawah 18 tahun.

Jarak larian bagi kategori lelaki bawah 18 tahun ialah 8

km, manakala kategori Perempuan bawah 18 tahun, Lelaki bawah 15 tahun dan Perempuan bawah 15 tahun ialah 6km.

Kejohanan tahun ini berjalan dengan lancar dengan mendapat bantuan keselamatan daripada anggota Polis dan Angkatan Pertahanan Awam. Ibu bapa juga turut hadir memberikan sokongan dan bantuan kepada pihak sekolah.



Aktiviti pemanasan badan sebelum memulakan merentas desa Majlis perasmian penutupan Kejohanan ini telah disempurnakan oleh Naib Yang Dipertua PIBG SMK Taman Perumahan Bedaun, Puan Sapiah Binti Omar.

Juara bagi kategori bawah 18 tahun, kategori lelaki dimenangi oleh Azrin Shah dengan masa larian 40.10 minit, manakala juara bagi kategori perempuan dimenangi oleh Nurul Umira Balqis dengan masa larian 34.57minit.

Bagi kategori bawah 15 tahun pula, juara kategori lelaki dimenangi oleh Mohd Haikal Ifzan dengan masa larian 28.52 minit, manakala kategori perempuan dimenangi oleh Nurul In Binti Alan dengan masa larian 36.41minit.

Juara keseluruhan dimenangi oleh Rumah Sukan Musytari, Naib johan Rumah Marikh, tempat ketiga Rumah Zuhail dan diikuti rumah Neptune.

Pengetua En. Ag Rozlan bin Manan, Penolong KoKurikulum Pn. Lau Chin Ying dan Penolong Kanan Pentadbiran Pn. Chai Yee San turut hadir dalam majlis ini.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Penyampaian hadiah oleh Encik Ag. Rozlan



Penyampaian hadiah oleh Puan Safiah



Perlepasan dilaksanakan oleh Naib Yang Dipertua PIBG Pn. Sapiah bersama Pegawai Angkat Sekolah, En. Awang Adi



Penglibatan PIBG membantu menjaga checkpoint



Barisan guru



yang menjayakan kejohanan merentas desa 2020

**Sukantara SMK Mutiara
Berlangsung Meriah, Pupuk
Budaya Saing Positif**



Labuan, 22 Januari 2020 – Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara, Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan kejohanan sukantara peringkat sekolah bertempat di Kompleks Sukan Labuan dari 16 hingga 22 Januari 2020 mulai jam 2 hingga 4 petang. Aktiviti ini yang diadakan di Kompleks Sukan Labuan turut disertai oleh murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Sukantara bertujuan memberi peluang kepada semua murid termasuk murid PPKI mewakili pasukan rumah sukan masing-masing dan menyumbang kepada pungutan mata keseluruhan. Pungutan mata terkumpul akan ditambah dengan sejumlah mata dalam Kejohanan Sukan Tahunan yang dijangka akan dilangsungkan pada pertengahan Februari nanti.

Antara acara yang dipertandingan ialah lontar peluru, lompat jauh, larian 100 meter pecut dan acara 400 meter. Sebahagian besar murid telah mengikuti pelbagai acara termasuk 47 orang murid PPKI yang diiringi oleh 16 orang guru termasuk Penolong Kanan Pendidikan Khas, Puan

Roslaniah binti Zainal dan 4 orang Pembantu Pengurusan Murid (PPM).

Pelbagai acara telah disusun khusus menguji kemampuan mental dan fizikal para peserta untuk melepasi had masa dan had jarak dalam usaha memunggut sebanyak mungkin mata bagi disumbang kepada pasukan rumah masing-masing.

“Melalui aktiviti sukantara ini, murid-murid pelbagai peringkat keupayaan dalam bidang sukan dapat bersama-sama menyumbang mata kepada rumah sukan masing-masing” ujar Puan Roslaniah.



Guru sedang memberi penerangan kepada para peserta Bagi guru pula, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mengendalikan sukantara akan digunakan sepenuhnya dalam pengelolaan kejohanan sukan peringkat sekolah nanti.

Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim berkata melalui penyertaan sukantara ini dapat menggalakkan murid-murid agar sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat ke arah kecerdasan dan kesejahteraan hidup. Di samping itu, murid-murid dapat membentuk sahsiah dan disiplin melalui aktiviti permainan yang terancang.

“Aktiviti sukantara ini meninggalkan kesan yang sangat baik untuk seluruh warga sekolah tidak kira guru, murid dan PPM kerana dapat mengeratkan ikatan silaturrahim di antara semua melalui aktiviti yang diadakan bersama dan memupuk budaya saing yang positif di dalam suasana pertandingan yang komprehensif” Encik Mohd Nizam Yasim.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua warga sekolah atas sumbangan usaha, tenaga dan masa dalam menjayakan sukantara tahun ini.

Berita Oleh : SMK Mutiara



Acara lompat jauh



Acara larian 100 meter pecut